

**PUNGUTAN HASIL DAN TERIMAAN BUKAN HASIL MELALUI PERBANKAN INTERNET DAN MUDAH ALIH
PS 2.3/2013**

No	Tujuan	Perkara	Tanggungjawab
1.	Tujuan	1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan peraturan dan pelaksanaan pungutan hasil dan terimaan bukan hasil melalui perbankan internet dan mudah alih. 1.2. Perbankan internet merupakan pembayaran melalui portal bank bagi urusan LGM. Perbankan mudah alih merupakan pembayaran melalui bank bagi urusan LGM dengan menggunakan telefon mudah alih.	Ketua Pegawai Kewangan
2.	Pungutan Hasil Dan Terimaan Bukan Hasil Melalui Perbankan Internet Dan Mudah Alih	2.1. Bagi pungutan hasil dan terimaan bukan hasil, pembayaran boleh dibuat melalui direct debit, Kad Kredit (MasterCard dan VISA) dan Kad American Express (Amex).	
3.	Kadar Caj Perkhidmatan Secara Perbankan Internet Dan Mudah Alih	3.1. LGM telah memutuskan caj perkhidmatan untuk pungutan hasil dan terimaan bukan hasil akan ditanggung oleh LGM. 3.2. Bagi melaksanakan kaedah ini, kadar caj perkhidmatan untuk debit adalah tidak melebihi RM0.50 bagi setiap transaksi individu dan tidak melebihi RM1.00 bagi setiap transaksi entiti perniagaan. 3.3. Kadar caj perkhidmatan untuk Kad Kredit adalah 2% dan Kad Amex adalah 3.5% bagi setiap transaksi. 3.4. Selain daripada caj perkhidmatan tersebut di atas, tiada caj lain boleh dikenakan oleh pihak bank.	
4.	Perakaunan Pungutan Hasil Dan Terimaan Bukan Hasil Melalui Perbankan Internet Dan Mudah Alih	4.1. Bagi pungutan hasil, pihak bank boleh menolak caj perkhidmatan daripada amaun kasar yang dipungut dan menyerahkan amaun bersih kepada LGM. Walau bagaimanapun, LGM perlu mengakaunkan amaun kasar yang dipungut sebagai hasil dan jumlah caj perkhidmatan sebagai perbelanjaan. 4.2. Bagi terimaan bukan hasil, bank perlu menyerahkan kepada LGM amaun kasar yang dipungut tidak termasuk caj perkhidmatan yang dibiayai oleh orang awam. 4.3. Standard Perakaunan yang dikeluarkan oleh MASB perakaunan	

No	Perkara	Tanggungjawab
	pungutan hasil dan terimaan bukan hasil melalui perbankan internet hendaklah juga dirujuk.	
4.4.	LGM hendaklah bertanggungjawab memastikan bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk mengakaunkan bayaran caj perkhidmatan. Sekiranya peruntukan bagi bayaran caj perkhidmatan tidak mencukupi, pelarasan perlu dibuat.	
5.	Akuan Pembayaran	
5.1.	Akuan pembayaran melalui perbankan internet yang dicetak dari paparan portal bank dan nombor rujukan akuan pembayaran melalui perbankan mudah alih boleh dianggap sebagai bukti transaksi pembayaran.	
6.	Perjanjian	
6.1.	Tertakluk kepada peraturan di bawah pekeliling ini, format perjanjian yang disediakan oleh pihak bank boleh diguna pakai bagi pelaksanaan pungutan ini.	